

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Kerjasama penting atasi isu umat Islam yang tersisih
22 Jul 2009
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
1,078

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
S14
196 cm²
Full Color
3,234



Kerjasama penting atasi isu umat Islam yang tersisih

KUALA LUMPUR – Semua pihak yang bertanggung jawab harus berganding bahu dan berbincang untuk bersama mencari penyelesaian bagi isu yang melibatkan umat Islam.

Pengarah Hal Ehwal Agama Islam dan Pengguna Islam Yayasan Bakti Khidmat Masyarakat Malaysia (YBKMM), Abdul Aziz Ismail berkata, dalam soal yang melibatkan umat Islam, semua pihak mempunyai peranan masing-masing.

Menurutnya, apabila timbul sesuatu isu melibatkan umat Islam, semua badan berkaitan termasuk Jabatan Agama Islam, institusi masjid dan NGO Islam harus bekerjasama serta berbincang cara untuk menyelesaikannya, bukannya menuding jari menyalahkan satu sama lain.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Dr Halimah Ali terhadap isu pesakit HIV/AIDS beragama Islam disisih dan mendapatkan perlindungan di gereja yang disiarkan Sinar Harian sebelum ini.

"Saya tidak bersetuju dengan tindakan Dr Halimah



* ABDUL AZIZ ISMAIL

menyalahkan Institusi masjid dan NGO Islam yang disifatkannya lemah sehingga umat Islam terpaksa mencari perlindungan dengan agama lain.

"Isu berkenaan pesakit HIV dan AIDS yang mendapatkan perlindungan daripada gereja sudah kita dedahkan di dada akhbar sebelum ini tetapi tiada sebarang tindakan yang diambil daripada pihak berwajib.

"Kita seharusnya berbincang dan cuba mencari penyelesaian berhubung isu yang berkaitan dengan umat Islam, bukannya menuding jari menyalahkan pihak lain," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat yang diterimanya, kes sebegini berlaku hampir di setiap

gereja tetapi NGO Islam tiada kuasa dan tidak mampu untuk menyelesaikan kemelut ini bersendirian tanpa bantuan pihak berkuasa tempatan serta badan berkaitan.

"Jika semua pihak saling tuduh menuduh, sampai bila pun perkara itu tidak akan dapat diselesaikan dan kerajaan seharusnya memberikan panduan kepada kita dalam menangani kemelut umat Islam pada masa kini," katanya.

Terdahulu, Dr Halimah dalam kenyataannya yang disiarkan dalam Sinar Harian pada 20 Julai lalu menyifatkan pendedahan isu pesakit HIV/AIDS beragama Islam disisih sehingga menjadikan gereja sebagai tempat berlindung terbabit mendedahkan kelemahan institusi Islam termasuk masjid serta NGO.

Katanya, beliau menyeru badan Islam khususnya institusi masjid, NGO Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri menjadikannya pendedahan itu sebagai satu amaran.

Dr Halimah turut menyarankan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengkaji kes terbabit secara serius dan mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menyelesaikannya.